

TERMA RUJUKAN GERAN PENYELIDIKAN NCDRC 2019

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan Geran Penyelidikan NCDRC ini diberikan adalah untuk;
- i) mengemukakan cadangan penyelesaian kepada isu berkaitan perkembangan kanak-kanak.
 - ii) menghasilkan inovasi pendidikan.
 - iii) melakukan analisis semasa terhadap isu-isu semasa berkaitan kanak-kanak
 - iv) menghasilkan *Proof of Concept* bagi amalan dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran di TASKA dan TADIKA NCDRC.

2.0 SYARAT AM PERMOHONAN

- 2.1 Geran ini ditawarkan kepada semua Kakitangan Akademik UPSI bertaraf kontrak dan tetap.
- 2.2 Keutamaan diberikan kepada Kakitangan Akademik yang memiliki proposal penyelidikan yang menepati skop dan objektif penyelidikan yang telah diminta oleh NCDRC.
- 2.3 NCDRC mengalu-alukan penyelidik daripada semua fakulti untuk menghantar permohonan.

3.0 SKOP KAJIAN

- 3.1 Proposal kajian perlu berfokus kepada **kanak-kanak 6 tahun dan kebawah**.
- 3.2 Penyelidikan perlu menghasilkan produk yang boleh dikomersilkan dan akan menjadi hak milik NCDRC.
- 3.3 Skop kajian adalah **“Ujian Saringan Kesejahteraan Pendidik dalam Bidang Awal Kanak-kanak”**.

4.0 PROPOSAL PENYELIDIKAN

4.1 Proposal kajian perlu mengandungi perkara-perkara seperti berikut;

- i) Pengenalan
- ii) Pernyataan Masalah
- iii) Objektif Kajian
- iv) Soalan Kajian, Hipotesis (Jika berkenaan)
- v) Sorotan Kajian Lampau
- vi) Metodologi (Reka bentuk kajian, Persampelan, Instrumentasi, Prosedur Pengumpulan Data, Prosedur Penganalisan Data)
- vii) Rujukan
- viii) Jadual Kerja (Carta Gantt)
- ix) Milestone
- x) Perincian Belanjawan mengikut vot;
 - a. Vot 11000 : Gaji dan Upah Pembantu Penyelidik
 - b. Vot 21000 : Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup
 - c. Vot 27000 : Bekalan dan Bahan-bahan lain
 - d. Vot 28000 : Sewaan
 - e. Vot 29000 : Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain yang dibeli dan Hospitaliti

5.0 TEMPOH KAJIAN

- 5.1 Semua tugas seperti yang digariskan dalam bidang kerja ini perlu disiapkan dalam tempoh **12 bulan** atau kurang dari tarikh yang diberikan.
- 5.2 Tiada perlanjutan tempoh kajian yang diberikan.

6.0 SILING PERUNTUKAN & PERATURAN KEWANGAN

- 6.1 Setiap projek penyelidikan akan diberikan peruntukan tidak melebihi **RM 30,000.00** sahaja.
- 6.2 Kumpulan penyelidik perlu menyediakan anggaran kos kajian dalam cadangan kewangan mengikut siling peruntukan yang telah ditetapkan.
- 6.3 Kumpulan penyelidik perlu menggunakan peruntukan yang telah diberikan untuk hal-hal yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja.
- 6.4 Mesyuarat dan bengkel hanya boleh dijalankan di dalam UPSI sahaja.
- 6.5 Pembelian aset dan inventori adalah tidak dibenarkan.
- 6.6 Hanya persidangan dalam negara yang berkualiti dan menghasilkan penerbitan (artikel/prosiding) berindeks sahaja yang dibenarkan.

- 6.7 Garis Panduan Kewangan bagi Geran Penyelidikan NCDRC 2019 adalah terpakai bagi geran ini.

7.0 PEMANTAUAN

7.1 Laporan Kemajuan

Penyelidik perlu mengemukakan Laporan Kemajuan dengan mengisi Borang Laporan Kemajuan Penyelidikan dalam tempoh setiap empat (4) bulan seperti yang ditetapkan.

7.2 Laporan Akhir

i. Penyelidik perlu mengemukakan Laporan Akhir dengan mengisi Borang Laporan Akhir Penyelidikan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tamat penyelidikan.

ii. Laporan akhir penyelidikan **adalah dalam bentuk monograf** yang mengandungi semua penemuan kajian, perakuan atau cadangan, ringkasan eksekutif, penghargaan, rujukan dan lampiran lengkap.

iii. Laporan akhir mengikut format yang ditetapkan sekurang-kurangnya perlu dihantar bersama-sama dengan bukti artikel jurnal yang telah diterima (accepted).

- 7.3 Penyelidik perlu menyediakan **penulisan ringkas** berkaitan penyelidikan yang dijalankan bagi disebar luas di dalam akhbar/majalah.

8.0 KUMPULAN PENYELIDIK

- 8.1 Ketua penyelidik hendaklah terdiri daripada **KAKITANGAN AKADEMIK UPSI** yang bertaraf **TETAP ATAU KONTRAK**.

- 8.2 Sekiranya Ketua penyelidik adalah berstatus kontrak, salah seorang ahli penyelidik haruslah berstatus kakitangan tetap.

- 8.3 Jumlah keseluruhan ahli penyelidikan tidak melebihi daripada lima orang termasuk ketua dan beberapa ahli penyelidik dari institusi di luar UPSI yang mempunyai kepakaran atau rekod penerbitan yang baik.

- 8.4 Pemohon haruslah aktif dalam penerbitan.

9. HASIL PENYELIDIKAN

- 9.1 Setelah selesai penyelidikan, kumpulan penyelidik hendaklah dapat menghasilkan

perkara-perkara seperti berikut;

- i. **Sekurang-kurangnya SATU (1) buah** artikel di jurnal berindeks (ISI dan SCOPUS) yang diterbitkan selewat-lewatnya 6 bulan selepas tempoh penyelidikan tamat dengan menyatakan penghargaan kepada NCDRC.
 - ii. Semua **hasil penyelidikan seperti yang telah dipersetujui dan dicadangkan** oleh penyelidik di dalam Akujanji Penyelidikan dan kertas cadangan penyelidikan yang telah diluluskan.
 - iii. **Monograf Laporan Akhir** kajian yang mengandungi semua penemuan kajian, perakuan atau cadangan, ringkasan eksekutif, penghargaan, rujukan dan lampiran
- 9.2 Pendaftaran Harta Intelek akan diuruskan oleh pihak NCDRC dan akan menjadi hak milik bersama NCDRC.
- 9.3 Hasil pengkomersilan dari projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran NCDRC akan diagihkan mengikut Dasar Harta Intelek dan Pengkomersilan UPSI dan hasil keputusan bersama pihak-pihak berkepentingan.

10.0 KAEDAH PERMOHONAN

- 10.1 Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman sesawang ncdrc.upsi.edu.my
- 10.2 Borang permohonan dalam bentuk hardcopy perlu diserahkan ke Pejabat Pentadbiran NCDRC manakala soft copy perlu dihantar ke emel ncdrc@upsi.edu.my menggunakan tajuk 'Permohonan Geran Penyelidikan NCDRC 2019'.
- 10.3 Permohonan akan melalui penilaian di peringkat NCDRC.
- 10.4 Surat tawaran kepada pemohon yang berjaya akan dikeluarkan oleh NCDRC setelah selesai pembentangan *Inception Report* dan kertas cadangan diperakukan diperingkat Jawatankuasa Penyelidikan NCDRC.
- 10.5 Surat kelulusan geran hanya akan dikeluarkan setelah pemohon bersetuju melengkapkan Borang Akujanji Penyelidikan dan dikembalikan kepada NCDRC.

11.0 PROSES PENAWARAN GERAN DAN MILESTONE PENYELIDIKAN

Tarikh	Perkara
27.09.2019	Pembukaan tawaran geran penyelidikan
03.10.2019	Tarikh tutup penghantaran kertas cadangan
Oktober 2019	Proses saringan dan penilaian
Oktober 2019	Keputusan permohonan Pembentangan <i>Inception Report</i>
Oktober 2019	Tawaran Penyelidikan Kelulusan menjalankan penyelidikan
Februari 2020	Penghantaran Laporan Kemajuan 1 (3 bulan selepas tarikh mula penyelidikan)
Mei 2020	Pembentangan dan Penghantaran Laporan Kemajuan 2 (6 bulan selepas tarikh mula penyelidikan)
Julai 2020	Penghantaran Laporan Kemajuan 2 (9 bulan selepas tarikh mula penyelidikan)
November 2020	Pembentangan Laporan Akhir Penghantaran Laporan Akhir

